


“Lima kes sudah dituduh di mahkamah membabitkan kesalahan menyorok minyak masak Mohd Roslan Mahayudin



SOROK 42.3 TAN MINYAK

Shah Alam

Bekalan pulih dalam tempoh terdekat

Orang ramai dinasihatkan tidak membuat pembelian panik ke atas minyak masak kerana bekalan itu akan pulih seperti biasa di pasaran dalam tempoh terdekat.

Ketika ini, pembungkus dan pemborong minyak masak sedang memproses bekalan itu sebelum diedarkan ke pasaran tempatan.

Penolong Pengarah Kanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Selangor Yusof Bakar berkata, sehingga semalam pihaknya sudah melakukan lebih 80 pemeriksaan membabitkan syarikat pembungkus, pemborong, pasar raya dan kedai runcit di seluruh negeri itu.

18,082 premis diserbu penguat kuasa KPDNKK kesan peniaga langgar peraturan

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Sebanyak 18,082 premis diperiksa anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sepanjang 15 hari Operasi Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (Ops COSS) dijalankan di seluruh negara sejak 21 Oktober lalu hingga kelmarin.

Pengarah Penguatkuasaan KPDNKK Mohd Roslan Mahayudin berkata, pemeriksaan dijalankan di premis berkenaan berjaya mengesan peniaga yang melanggar peraturan terutama membabit-

kan kesalahan menyorok bahan kawalan itu dengan rampasan 42.3 tan minyak masak bernilai RM114,274.

“Dalam pemeriksaan dijalankan itu, kami menerima 19 kes pelbagai kesalahan termasuk menyorok minyak masak, menjual tanpa lesen, buku rekod tidak diselenggara, memiliki barang kawalan dan melanggar arahan.

“Malah, lima kes sudah dituduh di mahkamah membabitkan kesalahan menyorok minyak masak di Pulau Pinang, Melaka, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak,” katanya selepas menjalan-

kan pemeriksaan di sebuah pasar raya di Bandar Utama, di sini semalam.

Pemeriksaan dijalankan KPDNKK Cawangan Petaling Jaya itu turut membabitkan tiga lokasi lain iaitu gudang borong masing-masing di Kampung Medan dan Jalan

Klang Lama serta sebuah pasar raya di Kelana Jaya, di sini.

Mohd Roslan berkata, pihaknya menerima 211 aduan daripada pengguna di seluruh negara selepas pengumuman dibuat kera-

jaan untuk menarik subsidi terhadap bahan kawalan berkenaan berkuat kuasa 1 November lalu.

Berdasarkan pemeriksaan di empat lokasi itu mendapati bekalan minyak masak mencukupi dan peniaga mengikut peraturan menge-

luarkan arahan menghadkan pembelian bahan terkawal itu kepada dua unit bagi setiap transaksi.

“Kebanyakan aduan yang dibuat adalah mengenai kekurangan bekalan minyak masak dan harga melambung tinggi.

“Melihat kepada aduan ini, kami menjalankan pemeriksaan secara rutin bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang kawalan berkenaan,” katanya.

Beliau turut menasihati orang ramai agar tidak membuat ‘pembelian panik’ kerana bekalan minyak masak mencukupi walaupun harga yang dikenakan berbeza berbanding sebelum ini.



PENGUAT Kuasa KPONKK membuat tinjauan dan pemeriksaan ke kilang pembungkusan minyak masak.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati bekalan minyak masak ada namun pembungkus perlu mengikut kuota yang ditetapkan.

“Dalam pemeriksaan hari ini (semalam) kita dapati pembungkus berusaha memastikan kuota untuk subsidi dapat disediakan.

“Contohnya, syarikat pembungkus menerima kuota subsidi 40 tan dan mereka perlu menyiapkan minyak masak dalam bentuk peket satu kilogram mengikut jumlah itu.

“Apabila sudah siap minyak masak ini akan diambil pemborong untuk dipasarkan,” katanya ketika melakukan pemeriksaan di syarikat pembungkus minyak masak, Gemilang Edible Oil (M) Sdn Bhd di Seksyen U5, semalam.